

30 AUG 1996

AGONG HADIRI MAJLIS SANTAPAN MALAM NEGERI

KOTA KINABALU, 30 Ogos (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah malam ini menghadiri majlis santapan malam negeri di Dewan Bankuasi di bangunan Dewan Undangan Negeri Sabah di Likas dekat sini.

Turut bersama Seri Paduka berdua ialah Yang Dipertua Negeri, Tun Sakaran Dandai dan isteri Toh Puan Rukaiyah Abdullah serta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail serta Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee dan isteri Datin Stella, Menteri-menteri Kabinet Persekutuan dan Negeri serta diplomat asing turut hadir.

Majlis santapan itu diadakan sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-39 yang akan berlangsung di sini esok.

Majlis turut diserikan dengan persembahan hiburan dan kebudayaan negeri. -- BERNAMA

KG PR